



Krisis Iklim: Bersediakah Kita?

Tahun 2022 adalah antara tahun yang telah banyak menyaksikan pelbagai kejadian bencana alam yang melampau. Acap kali kita dikejutkan dengan kejadian yang berterusan melanda seantero dunia, termasuklah di Malaysia. Tiada satu negara pun yang terkecuali daripada perubahan iklim yang melampau ini — banjir besar terburuk berlaku di Pakistan, gelombang haba dialami di seluruh Eropah dan ribut taufan melanda Florida dan Filipina.

Setiap bencana alam yang berlaku pastinya diiringi dengan kemusnahan dan meragut nyawa manusia akibat perubahan iklim dan pemanasan global yang tidak diduga.

Rentetan itu, ekonomi dunia juga terjejas dengan perubahan tersebut dan secara tidak langsung

memberikan kesan kepada sekuriti makanan di Malaysia.

Konflik yang tercetus antara Rusia dengan Ukraine juga telah menguruhkan lagi situasi ini. Setiap permasalahan yang timbul adalah sangat merisaukan di samping kenaikan kadar inflasi sebanyak 4.7 peratus pada September lalu di Malaysia. Mengapakah perkara ini boleh terjadi? Benarkah krisis iklim akan memberikan ancaman kepada manusia atau sebaliknya?

Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada krisis iklim yang membelenggu masyarakat dunia. Antaranya termasuklah pelepasan gas rumah hijau yang meninggalkan jejak karbon yang tinggi sejak tercetusnya revolusi industri. Selain itu, punca utama yang mendorong kepada faktor

tersebut bukan sahaja daripada kesan semula jadi, tetapi dipercepatkan lagi oleh kegiatan manusia yang telah berlangsung sejak azali lagi.

Kegiatan yang dimaksudkan adalah pembakaran bahan api fosil untuk kegunaan harian seperti elektrik, pengangkutan dan haba. Bahan api fosil adalah tenaga yang tidak boleh diperbaharui kerana lapisan mendapan itu telah terbentuk semenjak milenium lalu dan mengambil masa yang sangat lama untuk pembentukan semula. Jadi, amatlah mustahil untuk memperbaharui tenaga bahan fosil tersebut selain mencari alternatif baharu yang lebih lestari.

Apabila bahan api fosil dibakar, gas karbon dioksida akan dilepaskan bersama-sama gas rumah hijau yang lain seperti gas metana, klorofluorokarbon dan nitrus

oksida. Akibatnya, gas tersebut memenuhi ruang atmosfera bumi dan terperangkap bersama-sama haba matahari lalu menyumbang kepada peningkatan suhu permukaan semula jadi bumi.

Situasi ini menjadi lebih parah kerana pemanasan global yang tinggi mengakibatkan musim kemarau yang melampau, pencairan ais di Lautan Artik, banjir kilat yang semakin kerap berlaku, dan menjejaskan kesihatan manusia dengan kualiti udara yang semakin buruk. Perkara ini amat menggerunkan kerana perubahan iklim akan memberikan kesan jangka panjang bukan sahaja kepada bumi, malah kepada penghuninya sekali.

Situasi perubahan iklim ini turut menjejaskan sekuriti makanan di negara ini. Menurut artikel dalam *The Malaysia Post*, Malaysia bakal berdepan dengan isu kekurangan ikan seperti ikan kembung yang menjadi kegemaran rakyat Malaysia. Hasil kajian pada tahun 2021 menunjukkan bahawa perubahan iklim yang melampau dan suhu laut yang meningkat menyebabkan pelbagai spesies ikan berhijrah daripada habitat asal dan melepasi sempadan zon lain.

Secara amnya, setiap hidupan laut mempunyai toleransi yang berbeza terhadap persekitaran suhu laut dan akan berusaha untuk mengekalkannya demi kelangsungan hidup. Dalam erti kata lain, laut mempunyai peranan dalam menyerap haba yang banyak dilepaskan oleh karbon. Hal ini mengakibatkan haba itu terperangkap di dalam lautan lalu mencatatkan ketinggian suhu yang ketara selain kenaikan paras air laut.

Masalah yang dihadapi ini akan menjejaskan kualiti dan jaminan bekalan makanan dalam jangka masa pendek. Permintaan bekalan makanan yang tinggi akan menjadi masalah sekiranya bekalan yang sedia ada tidak mencukupi lalu menyebabkan makanan tersebut terpaksa dijual dengan harga yang lebih tinggi. Sekiranya kerajaan tidak mengambil inisiatif untuk menjamin sekuriti makanan di negara ini, kebarangkalian

masalah ini akan berlarutan untuk jangka masa yang panjang.

Pada masa yang sama, sumber pendapatan para nelayan juga akan terjejas dan industri perikanan merosot. Kebergantungan Malaysia kepada hasil import negara luar juga turut meragukan sekiranya negara tersebut membuat keputusan larangan hasil eksport. Sebagai contohnya, Malaysia mengimport sebanyak 88.8 peratus daging kambing dan 76.4 peratus daging lembu dari India. Antara bahan lain yang turut diimport termasuklah baja pertanian, gandum dan beras.

Pada Mei tahun lalu, India telah melarang eksport gandum untuk memberikan keutamaan kepada keselamatan bekalan makanan dan melindungi pasaran domestik negara itu. Larangan eksport itu berkuat kuasa gara-gara hasil tanaman gandum di negara tersebut yang kurang subur dan berkualiti berikutan suhu yang melanda terlalu tinggi serta impak daripada peperangan antara Rusia dengan Ukraine. Oleh itu, permintaan terhadap bekalan makanan asas ini perlu diutamakan kepada rakyat negara itu terlebih dahulu.

Bukan itu sahaja, setakat ini sebanyak 26 buah negara telah mengharamkan pengeksportan makanan berdasarkan laporan Badan Penyiaran Jepun. Akibatnya, hal ini akan mengganggu rantaian bekalan makanan di pasaran serta menimbulkan rasa panik seluruh masyarakat dunia sekiranya bekalan makanan tidak mencukupi, lebih-lebih lagi sewaktu negara dilanda bencana.

Malaysia ialah negara yang berisiko rendah berhadapan dengan bencana alam seperti gempa bumi pada suatu ketika dahulu. Kini, pola tersebut sudah berubah sejak perubahan iklim berlaku dan saban tahun hal ini memberikan kesan di seluruh pelusok dunia.

Situasi ini dapat dibuktikan dengan kejadian puting beliung yang membadai Ipoh pada awal tahun lalu serta banjir besar di kawasan yang tidak pernah mengalaminya.

Bencana alam yang berlaku ini adalah amaran kepada masyarakat untuk lebih peka dan berganding bahu untuk bersama-sama mengurangkan kesan buruk terhadap alam sekitar. Setiap pihak mempunyai peranan tersendiri dan bertanggungjawab untuk menjaga kesejahteraan alam supaya dapat diwarisi oleh generasi akan datang.

Misalnya, kejadian banjir besar seperti yang berlaku pada hujung tahun 2021 masih dapat dielakkan pada masa hadapan sekiranya kerajaan bertindak awal dengan pengurusan mitigasi yang bijak. Antara kaedah bagi mengawal banjir termasuklah rancangan pembinaan projek tebatan banjir dan rumah pam yang dibina di kawasan yang kerap berlakunya banjir seperti di Teluk Kumbar, Pulau Pinang. Projek ini akan memberikan manfaat sekali gus menjadi kawasan perlindungan banjir kepada ribuan penduduk yang terkesan.

Namun begitu, projek sedia ada belum tentu mampu menampung dan mengatasi bencana ini. Sebaik-baiknya, penambahbaikan projek harus dilaksanakan mengikut keadaan seperti pembinaan takungan air dan memperkukuh sistem amaran bencana di Malaysia. Dengan itu, penduduk setempat akan lebih bersiap siaga dan membolehkan kerajaan bertindak dengan lebih pantas sekiranya berlaku sesuatu bencana.

Selain itu, masyarakat juga boleh membantu mengurangkan pencemaran udara dengan menggunakan pengangkutan awam. Usaha ini amat membantu mengurangkan jejak karbon di ruang udara yang berpunca daripada pelepasan gas karbon monoksida daripada kenderaan. Tambahan pula, jumlah kenderaan yang berada di atas jalan raya juga dapat dikurangkan secara ketara.

Namun begitu, usaha ini hanya akan berhasil dengan inisiatif kerajaan dalam mempertingkatkan penggunaan kenderaan awam, terutamanya



Darurat iklim adalah situasi yang memerlukan tindakan segera agar perubahan iklim yang tidak pernah berlaku ini dapat dikurangkan atau dihentikan serta-merta di samping mengelakkan kerosakan alam sekitar yang berpunca daripadanya.

di kawasan pedalaman. Bahkan, kekerapan waktu pengangkutan awam juga perlu dikaji semula kerana perkhidmatan yang disediakan masih belum cukup untuk menampung jumlah pengguna yang sangat ramai, lebih-lebih lagi pada waktu puncak.

Di samping itu, kerajaan perlu merangka semula dasar yang efektif berkaitan dengan sekuriti makanan di negara ini. Hal ini dikatakan demikian kerana Malaysia tidak mempunyai dasar pembangunan yang tidak seimbang, khususnya dalam sektor pertanian yang telah dianaktirikan. Perkara ini telah membuatkan Malaysia terlalu bergantung pada pasaran makanan antarabangsa.

Makanan adalah komoditi asas untuk kelangsungan insan selari dengan matlamat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk mengurangkan isu kebuluran menjelang tahun 2023. Namun begitu, Setiausaha Agung PBB, Antonio Guterres telah memberikan amaran kepada masyarakat dunia untuk lebih kritikal menangani krisis makanan global yang sedang berlangsung dan dijangkakan berdepan dengan risiko kebuluran yang lebih teruk pada tahun hadapan.

Amaran berkenaan krisis makanan ini turut disampaikan oleh Presiden Bank Dunia, David Malpass. Menurutnya, sekiranya kemelut ini berterusan dengan lebih lama lagi, golongan miskin adalah golongan yang paling terkesan untuk meneruskan

kehidupan kerana kebuluran, kemiskinan dan kemurungan.

Dalam hal ini, pembuat dasar perlu menghentikan campur tangan perdagangan berkaitan dengan halangan pengekspornan dan perlu mengambil langkah segera untuk menstabilkan pasaran makanan serta mengawal harga komoditi. Tambahan pula, pandemik COVID-19 yang dilaporkan masih belum pulih sepenuhnya juga menjadi satu daripada punca kemerosotan bekalan makanan ini.

Berdasarkan kesan perubahan iklim yang berlaku di seluruh dunia ini, Malaysia seharusnya telah bersedia untuk menghadapi apa-apa jua dugaan yang bakal berlaku dalam masa terdekat. Hal ini termasuklah maklum balas kerajaan untuk merancang pelan tindakan yang lebih terperinci dan mengisytiharkan darurat iklim di samping melaksanakan inisiatif berterusan untuk memerangi krisis tersebut. Pengisytiharan ini boleh diputuskan oleh kerajaan negeri ataupun persekutuan, bergantung pada keutamaan tempat yang terkesan dan merangkumi semua sektor seperti ekonomi, awam dan industri.

Darurat iklim adalah situasi yang memerlukan tindakan segera agar perubahan iklim yang tidak pernah berlaku ini dapat dikurangkan atau dihentikan serta-merta di samping mengelakkan kerosakan alam sekitar yang berpunca daripadanya.

Sebuah organisasi bebas, iaitu Gabungan Darurat Iklim Malaysia telah

ditubuhkan untuk menggesa kerajaan Malaysia bertindak berhubung kecemasan iklim global secara menyeluruh. Terdapat 12 perkara yang dituntut dalam memorandum yang telah diserahkan kepada Pejabat Perdana Menteri berkaitan dengan perubahan iklim ini.

Satu daripadanya termasuklah kerajaan dan sektor yang terlibat dituntut mengisytiharkan 55 peratus atau lebih kawasan tanah sebagai hutan simpan darat dan 30 peratus atau lebih kawasan hutannya dilindungi sepenuhnya. Gabungan ini juga berwawasan untuk mengekalkan suhu pemanasan global di bawah dua darjah Celsius dan membendunginya dalam lingkungan 1.5 darjah Celsius.

Usaha yang berterusan secara kolektif ini diharapkan dapat membantu mengurangkan perubahan iklim selari dengan matlamat Malaysia untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau merentas ekonomi sebanyak 45 peratus dan mencapai pelepasan GHG bersih sifar seawal tahun 2050.

Kerajaan juga sedang melaksanakan program dasar penentuan harga karbon (*carbon pricing*) secara berperingkat dalam mengurangkan pelepasan gas rumah hijau. Walau bagaimanapun, darurat iklim tidak diisytiharkan di Malaysia kerana kadar pelepasan gas rumah hijau sedang diusahakan.

Pada pendapat penulis, sekiranya pengisytiharan darurat iklim diluluskan di Malaysia, hal ini tidak akan menjejaskan inisiatif kerajaan yang sedang diusahakan, malah akan memberikan kesedaran kepada masyarakat untuk turut serta dalam memerangi perubahan iklim ini.

Terdapat beberapa buah negara Barat dan Asia telah membuat pengisytiharan sedemikian seperti Australia, Jepun, Korea Selatan, dan Singapura. Deklarasi yang diluluskan ini seterusnya akan menjadi tonggak kepada perubahan iklim di dunia ke arah yang lebih baik. ¹⁴